

## **GAMBARAN KEHENDAK WATAK ORANG KURANG UPAYA (OKU) DALAM NOVEL *LAMBAIAN KINABALU***

**Nor Afiza Mohd Nasir**  
Universiti Putra Malaysia

### **Abstrak**

Kajian ini dijalankan dengan bertitik tolak daripada fahaman bahawa manusia dilahirkan dengan mempunyai kehendak yang berbeza di antara satu sama lain. Dalam hal ini, Orang Kurang Upaya (OKU) juga tidak terkecuali mempunyai kehendak mereka sendiri. Selalunya, kehendak manusia adalah untuk mendapatkan dan memperbaiki kehidupan ke arah yang lebih selesa. Dalam memenuhi kehendak tersebut manusia akan memikirkan langkah yang sesuai dalam memenuhi setiap kehendak itu. Oleh itu, objektif kajian ini ialah mengenal pasti kehendak-kehendak watak OKU dalam novel *Lambalian Kinabalu* di samping menganalisis masalah, tindakan dan kesan tindakan watak OKU dalam memenuhi setiap kehendak tersebut. Untuk mencapai objektif yang telah digariskan, kajian akan menggunakan teori Hierarki Kehendak Maslow (1970). Hasil dapatan menunjukkan setiap kehendak watak OKU wujud selari dengan apa yang digariskan dalam teori Hierarki Kehendak Manusia iaitu terdiri daripada kehendak tahap keperluan fisiologi, keselamatan, kasih sayang, penghargaan diri dan tahap keperluan kesempurnaan kendiri.

**Kata Kunci:** *Jati diri, Orang Kurang Upaya, teori Hierarki Kehendak Maslow.*

**DESCRIPTION OF A WILL OF THE PEOPLE WITH  
DISABILITIES CHARACTER IN THE NOVEL  
*LAMBAIAN KINABALU***

***Abstract***

*This study is based on the understanding that human beings are born with different needs between one another. In this case, people with disabilities (OKU) also have no exception to having their own will. Often human will is to get and improve life in a more comfortable way. In fulfilling the will, human will think of a suitable step in fulfilling every requirement. Therefore, the objective of this study is to identify the desirability of the people with disabilities character in the novel Lambaian Kinabalu as well as to analyze the problems, actions and effects in meeting the requirements. To achieve the objectives outlined, the study will use the Maslow's Hierarchy of Will theory (1970). The findings show that every people with disabilities character is in line with what is outlined in the Human Will Hierarchy theory, which comprises the requirements of physiological, safety, compassionate, self-esteem and level of self-perfection requirements.*

**Keywords:** Desirability, Maslow's Hierarchy of Will theory (1970), people with disabilities

**PENGENALAN**

Kehendak jika didefinisikan secara umum merupakan perasaan yang lahir dalam diri setiap manusia bagi mendapatkan sesuatu yang lebih selesa atau baik untuk kehidupan mereka. Dalam hal ini, manusia mempunyai kehendak yang berbeza antara satu sama lain. Hal ini didorong oleh pelbagai faktor antaranya disebabkan faktor umur, taraf pendidikan, taraf hidup, dan sebagainya. Dalam membicarakan mengenai kehendak ini, kajian ini akan memfokuskan kepada kehendak Orang Kurang Upaya (OKU) yang terdapat dalam novel Lambaian Kinabalu hasil nukilan Norhashimah Hashim. Novel Lambaian Kinabalu merupakan novel yang berkisarkan kehidupan golongan cacat penglihatan dalam menghadapi pelbagai cabaran demi memenuhi setiap kehendak mereka. Dalam novel ini, pengarangnya iaitu Norhashimah Hashim telah menggambarkan watak Aina yang terpaksa menghadapi pelbagai dugaan dan cabaran dalam proses pendakian puncak Gunung Kinabalu. Selain memaparkan watak Aina, penulis juga turut menggambarkan watak-watak seperti Oi Yong, Zila, Heng Kee, Fifah, Ros dan Chulan dalam menghadapi detik-detik yang terpaksa dihadapi oleh mereka sebagai OKU seperti cemas, ngeri, takut dan sebagainya ketika berusaha mendaki puncak Gunung Kinabalu.

Dalam novel Lambaian Kinabalu ini, Norhashimah Hashim telah memaparkan peristiwa bagaimana watak Aina dan sahabatnya yang mengalami masalah cacat penglihatan telah terpilih untuk menyertai ekspedisi mendaki Gunung Kinabalu. Mereka merupakan Ahli-Ahli Pertubuhan Orang-Orang Cacat Penglihatan Malaysia atau SBM (Society of the Blind, Malaysia) yang berusaha merealisasikan ekspedisi yang banyak menuntut semangat dan ketabahan yang tinggi dalam diri setiap peserta yang menyertainya. Hal ini kerana, keadaan muka bumi dan cuaca pergunungan yang terdedah akan menyukarkan mereka untuk menjayakan misi ini. Namun, pengarang dengan jelasnya telah menerangkan bahawa setiap cabaran dapat diatasi dengan persediaan rapi. Persediaan rapi telah disediakan dengan adanya jurulatih daripada beberapa sektor seperti Kelab Kembara Malaysia, Jabatan Belia dan Sukan Persekutuan. Persediaan ini dilakukan dalam usaha untuk memupuk keyakinan diri dalam diri setiap individu yang menyertai aktiviti ini. Selain untuk mempersiapkan mental mereka agar lebih bersedia menghadapi sebarang kemungkinan bahaya semasa proses mendaki.

Dalam memenuhi kehendak untuk mendaki itu, pengarang telah memaparkan bagaimana watak-watak ini mendapat sokongan daripada peserta, majikan serta masyarakat sekeliling. Namun sebelum berjaya, watak yang dipaparkan ini mempunyai beberapa kehendak yang ingin dipenuhi dalam menempuh kehidupan sehari-hari.

## **SOROTAN LITERATUR**

Setakat ini pengkaji mendapati belum ada satu kajian yang mendalam dan terperinci yang memberi fokus utama kepada aspek kehendak watak OKU terutamanya yang melibatkan pengkaji-pengkaji tempatan. Kebanyakan kajian lebih memfokuskan kepada pengarang yang dikategorikan sebagai Orang Kurang Upaya (OKU). Antaranya ialah makalah tulisan Ihsan Noorzali (2003) dalam Dewan Sastera berjudul “Ketajaman Hati Nurani Norhashimah”. Dalam makalah ini, isu berkaitan OKU telah diketengahkan sebagai satu isu yang hangat diperkatakan. Namun, isu yang dibincangkan lebih berfokus kepada persoalan jati diri pengarang itu sendiri. Tulisan ini telah menyentuh mengenai perjalanan hidup Norhashimah Hashim selaku seorang penulis yang mengalami masalah cacat penglihatan namun mempunyai kegigihan dan ketabahan yang cukup kuat dalam menghasilkan karya.

Seterusnya, pengamatan dilanjutkan terhadap makalah hasil tulisan Siti Hajar Che Man dalam Dewan Sastera (2003) berjudul “Pengalaman Peribadi Norhashimah Hashim dalam Lambaian Hijrah”. Makalah ini meneliti isu yang berkaitan penulisan Norhashimah Hashim dalam penghasilan novel Lambaian Hijrah. Siti Hajar Che Man menerangkan analisis novel Lambaian Hijrah melalui dua aspek yang penting. Pertama, merungkai kaedah pembacaan daripada sudut binaan teks dan menganalisis berdasarkan bentuk dan struktur. Kedua, memantau

isu semasa yang sering menimpa golongan remaja. Kesimpulannya, makalah ini memberi fokus kepada pengarang beserta hasil karya yang telah dihasilkan.

Kajian turut meneliti makalah hail nukilan Hassan Baseri Budiman (2003) dalam Dewan Sastera yang berjudul “Melihat Kecelikan Norhashimah Hashim”. Dalam hasil makalah ini pengarang memperkatakan tentang persoalan jati diri yang terdapat dalam diri Norhashimah Hashim. Pengolahan pengarang berkait rapat dengan jati diri Norhashimah Hashim seperti kegigihan, ketabahan, berani, tidak mudah berputus asa dan sebagainya. Hassan Baseri Budiman menyatakan dengan aspek yang dinyatakan itu telah menghasilkan keunikan dalam penghasilan karya tulisan novelis. Di samping itu, pengarang telah mengaitkan teori sastera dengan gaya kepenggarangan Norhashimah dalam menghasilkan novel Lambaian Kinabalu. Dalam makalah ini, Hassan Baseri Budiman telah mengemukakan satu teori iaitu teori rasafenomologi untuk menjelaskan pengalaman estetik secara sistematik. Rencana ini telah mengaitkan teori rasa-fenomologi dengan keadaan yang digunakan oleh Norhashimah dalam memainkan aspek emosi dalam pengolahan cerita. Dalam hal ini, keunikan gaya kepenggarangan Norhashimah Hashim terbina hasil ketajaman imaginasi dan kepekaan beliau untuk mengaktifkan emosi pembaca walaupun beliau tidak mampu melihat sebagai pengalaman langsung dalam penghasilan karya.

Pengamatan juga tertumpu kepada makalah Rasdan Ahmad (2015) berjudul “Khalid Salleh Pentaskan Kena Main”. Makalah ini memperkatakan teater Kena Main hasil karya Khalid Salleh yang mengisahkan kehidupan empat sahabat yang cacat penglihatan mencari rezeki dengan mengadakan persembahan nyanyian di kaki lima Kuala Lumpur. Makalah ini memaparkan golongan kurang upaya selaku watak utama. Pementasan teater tersebut telah menjadikan watak orang buta sebagai penggerak kepada jalan ceritanya. Paparan jati diri watak OKU dalam makalah ini amat penting dan signifikan dengan kajian yang akan dikaji oleh pengkaji kerana memberi gambaran berkaitan jati diri watak yang akan dikaji dalam bab analisis terutamanya melibatkan OKU.

## **KAEDAH KAJIAN**

Kajian ini akan menggunakan kaedah kepustakaan dan kaedah analisis teks dalam mengumpul data dan maklumat berkaitan aspek yang ingin dikaji. Dalam kajian ini, novel Lambaian Kinabalu akan dijadikan sebagai bahan utama kajian. Kajian ini mempunyai beberapa tahap perancangan, antaranya ialah tahap pemilihan bahan, pengumpulan data, penganalisisan data dan seterusnya tahap membuat kesimpulan. Pada tahap pemilihan bahan, bahan dipilih berdasarkan kepada kesesuaian aspek yang akan dikaji iaitu berkaitan dengan Orang kelainan Upaya (OKU). Pada tahap ini, bahan akan diteliti sama ada iaanya sesuai dalam memberi

gambaran berkaitan aspek yang ingin dianalisis. Seterusnya, setelah pemilihan bahan dilakukan data akan dikumpul berdasarkan objektif yang telah ditetapkan. Pada tahap penganalisisan data, setiap data yang diperoleh pada tahap sebelumnya akan dianalisis bagi menjawab persoalan kajian dan seterusnya dapatan kajian akan dilakukan. Melalui dapatan kajian, rumusan akan dilakukan bagi memperlihatkan gambaran watak Orang Kurang Upaya (OKU) dalam novel Lambaian Kinabalu.

Seterusnya, kajian ini akan menggunakan Teori Hierarki Kehendak Maslow (1970) yang dikemukakan oleh Abraham Maslow. Menerusi teori yang dikemukakan ini terdapat lima tahap kehendak yang akan menjadi kerangka penting dalam bahagian analisis. Setiap kehendak watak yang terdapat dalam novel Lambaian Kinabalu akan dibahagikan dan diasingkan mengikut peringkat yang telah ditetapkan dalam teori Hierarki Kehendak Maslow. Peringkat-peringkat kehendak tersebut adalah terdiri daripada 5 iaitu:

- 1) Peringkat fisiologi iaitu terdiri daripada keperluan asas seperti makanan, minuman, pakaian dan tempat tinggal.
- 2) Peringkat keselamatan yang terdiri daripada keselamatan dari segala bahaya, kestabilan, kebergantungan, perlindungan, kebebasan daripada ketakutan, kebimbangan dan huru-hara.
- 3) Peringkat kasih sayang dan keinginan dimiliki yang memfokuskan kepada keinginan untuk disayangi sama ada oleh ahli keluarga, sahabat atau masyarakat sekeliling.
- 4) Peringkat penghargaan iaitu berhubung dengan keinginan untuk rasa diri dihargai di atas segala pencapaian atau aktiviti yang disertai.
- 5) Peringkat untuk mencapai kesempurnaan Kendiri iaitu tahap di mana manusia sudah mencapai satu tahap dimana setiap keperluan dalam hidupnya sudah dipenuhi secara menyeluruh.



**Rajah 1: Hierarki Kehendak Manusia**

Berdasarkan rajah di atas, tahap kehendak manusia mempunyai lima peringkat yang berbeza iaitu dimulai daripada peringkat yang paling rendah iaitu kehendak fisiologi dan seterusnya bergerak ke arah peringkat seterusnya sehingga mencapai peringkat yang paling atas iaitu peringkat untuk mencapai kesempurnaan kendiri. Dalam hal ini, manusia harus melepassi satu peringkat ke satu peringkat dalam usaha untuk memenuhi kehendak mereka.

## **ANALISIS DAN PERBINCANGAN**

Pada bahagian analisis terdapat beberapa aspek yang akan dibincangkan dalam usaha untuk memberi gambaran yang jelas dan terperinci mengenai kehendak watak Orang Kelainan Upaya dalam novel *Lambaian Kinabalu*. Antara aspek yang akan dibincangkan ialah berkaitan:

### Kehendak-kehendak watak OKU

- ii. Masalah
- iii. Tindakan
- iv. Kesan tindakan

### **Kehendak-Kehendak Watak OKU dalam Novel *Lambaian Kinabalu***

Menurut Shahabudin Hashim et al (2006:32) tingkah laku manusia sebenarnya didorong oleh keperluan untuk memenuhi kehendak dalam kerjanya dan selepas

mencapai satu tahap barulah ia meningkat dan berikhtiar untuk mencapai tahap yang lebih tinggi. Berdasarkan pendapat tersebut, jelas memperlihatkan manusia harus mencapai peringkat yang paling rendah sebelum dia bergerak ke peringkat seterusnya. Dalam kajian ini, analisis akan melihat kepada kehendak-kehendak watak OKU dalam novel *Lambai Kinabalu* secara terperinci berteraskan kepada hierarki kehendak manusia sepertimana yang telah digariskn oleh Maslow. Pada peringkat kehendak fisiologi, watak Aina memerlukan keperluan asas untuk meneruskan kelangsungan hidup seperti makan, minum, tempat tinggal. Pada tahap keselamatan pula, watak Aina digambarkan mempunyai pekerjaan selaku operator yang berperanan menyambut dan menyambung panggilan kepada pegawai atau jabatan tertentu. Pada peringkat kasih sayang, Aina ingin sahabat-sahabatnya yang turut serta dalam ekspedisi berjaya sampai ke puncak Gunung Kinabalu dengan selamat dan seterusnya turun juga dalam keadaan yang selamat. Berikutnya, pada peringkat penghargaan diri, kehendak Aina ialah mahu melihat golongan yang cacat penglihatan seperti dia dan sahabat-sahabatnya berjaya mendaki puncak Gunung Kinabalu dan pada peringkat kesempurnaan kendiri, Aina ingin berjaya dalam setiap aktiviti atau pekerjaan yang dilakukannya.

**Jadual 1: Analisis Kehendak Watak dalam Novel  
*Lambaian Kinabalu***

KEHENDAK WATAK	KETERANGAN
Peringkat fisiologi	Watak Aina memerlukan keperluan asas untuk meneruskan kelangsungan hidup seperti makan, minum, tempat tinggal.
Peringkat keselamatan	Watak Aina digambarkan mempunyai pekerjaan selaku operator yang berperanan menyambut dan menyambung panggilan kepada pegawai atau jabatan tertentu. Oleh yang demikian, untuk ke tempat kerja Aina ingin rasa selamat.
Peringkat kasih sayang	Aina ingin sahabat-sahabatnya yang turut serta dalam ekspedisi berjaya sampai ke puncak Gunung Kinabalu dengan selamat dan seterusnya turun juga dengan selamat.
Peringkat penghargaan diri	Kehendak Aina pada peringkat ini ialah dia mahu melihat golongan yang cacat penglihatan seperti dia dan sahabat-sahabatnya berjaya mendaki puncak Gunung Kinabalu dan usaha mereka dihargai oleh masyarakat.
Peringkat Mencapai Kesempurnaan Kendiri	Pada peringkat kesempurnaan kendiri, Aina ingin berjaya dalam setiap aktiviti atau pekerjaan yang dilakukannya.

**ANALISIS MASALAH, TINDAKAN DAN KESAN TINDAKAN WATAK ORANG KURANG UPAYA DALAM MEMENUHI KEHENDAK DALAM NOVEL *LAMBAIAN KINABALU***

Peringkat pertama ialah peringkat fisiologi di mana dalam novel *Lambaian Kinabalu*, Norhashimah Hashim selaku pengarang telah memaparkan kehendak Aina yang ingin mendapatkan keperluan-keperluan asas yang terdapat pada peringkat ini iaitu makanan, minuman, pakaian dan tempat tinggal yang sempurna walaupun pada hakikatnya watak Aina merupakan individu yang mengalami cacat penglihatan. Dalam memenuhi kehendak fisiologi ini, pengarang telah menerangkan secara langsung bagaimana watak Aina berjaya memenuhi kehendak fisiologi dengan bekerja sebagai operator di mana rutin kerjanya adalah menyambut dan menyambung panggilan kepada pegawai atau jabatan tertentu. Ini dapat dilihat dalam petikan di bawah:

Kerja rutinku menyambut dan menyambung panggilan kepada pegawai atau jabatan tertentu. (Norhashimah Hashim, 2002: 24).

Petikan di atas jelas memperlihatkan bagaimana watak Aina bekerja keras bagi menampung perbelanjaan dirinya. Oleh yang demikian, berdasarkan kepada apa yang dipaparkan oleh Norhashimah Hashim, peringkat fisiologi watak Aina yang merupakan seorang cacat penglihatan tidak dinyatakan secara teliti namun pengarang secara tidak langsung telah menyentuh mengenai tempat tinggal Aina melalui peristiwa apabila Aina menghadapi masalah untuk menyertai latihan pada petang Isnin dan Rabu kerana beliau tidak dapat sampai awal ke tempat latihan. Oleh yang demikian, untuk menghadapi masalah tersebut watak Aina telah mengambil inisiatif dengan menapak dari tingkat bawah ke rumah sewanya di tingkat 11 dan menapak ke tempat kerjanya di tingkat 22. Ini dapat dilihat seperti petikan di bawah:

“Bukan mudah untuk memulakan sesuatu. Pada hari pertama, aku benar- benar nekad untuk menapak ke rumah sewaku di tingkat 11. Aku terhegeh-hegeh mencari tangga. Sebetulnya, aku tidak tahu secara tepat di mana letaknya tangga blokku. Maklumlah, aku hanya menggunakan lif sebelum ini”.

(Norhashimah Hashim, 2002:21)

Berdasarkan petikan di atas, watak Aina telah menghadapi pelbagai cabaran dan dugaan dalam proses latihan untuk mendaki puncak gunung Kinabalu. Namun yang demikian, Aina telah mengambil langkah yang sewajarnya bagi mengatasi masalah tersebut dengan mengambil inisiatif lain bagi menggantikan latihan yang tidak dapat disertainya. Kesan daripada tindakan Aina itu telah sedikit sebanyak membantu beliau dalam proses persediaan untuk mendaki ke puncak Gunung Kinabalu dan aktiviti Aina ini dikira sebagai ganti kepada latihan yang beliau tidak dapat hadiri disebabkan oleh kekangan masa. Setelah memenuhi kehendak fisiologi, pengarang telah memperlihatkan bagaimana watak Aina turut cuba memenuhi kehendak-kehendaknya di peringkat keselamatan.

Peringkat kedua ialah peringkat keselamatan iaitu merangkumi kestabilan kerja, jagaan masyarakat, undang-undang serta membebaskan diri daripada ancaman luaran mahupun dalaman. Dalam novel *Lambai Kinabalu* ini watak Aina mempunyai beberapa kehendak keselamatan. Contohnya, beliau tidak mahu menjelaskan pekerjaannya disebabkan oleh masalah yang ditimbulkan oleh beliau sendiri. Dalam hal ini, Aina mempunyai pekerjaan iaitu menyambut dan menyambung panggilan kepada pegawai atau jabatan tertentu. Pekerjaan Aina terganggu apabila beliau keletihan dan ini seterusnya menganggu fokusnya semasa bekerja. Peristiwa ini dapat dilihat seperti petikan di bawah:

*Gambaran Kehendak Watak Orang Kurang Upaya (OKU) dalam  
Novel Lambaian Kinabalu  
Nor Afiza Mohd Nasir*

“Dalam keadaan keletihan begitu, daya ingatanku menjadi lemah. Semua nombor sambungan yang sudah berada di hijung jariku sebelum ini, kini sekali mula gugur satu per satu dari ranting memoriku. Akibatnya, aku sering menjadi sasaran kemarahan semua pemanggil kerana lambat menyambung panggilan mereka”.

(Norhashimah Hashim, 2002: 24)

Petikan di atas jelas memperlihatkan kepada pembaca bahawa Aina mengalami masalah untuk menjalankan pekerjaannya disebabkan oleh keadaan fizikal dan mentalnya yang terlalu letih gara-gara menjalani latihan. Oleh sebab itu, pada tahap ini Aina mahu memastikan pekerjaannya tidak terganggu oleh perkara-perkara seperti itu. Namun, novelis telah menjelaskan bagaimana watak Aina telah mengambil langkah untuk mengatasi masalah tersebut. Ini kerana, Aina diceritakan tidak bersedia menggugat masa depannya semata-mata disebabkan perkara itu. Oleh sebab itu, watak Aina telah mencari jalan penyelesaian dengan nekad untuk datang lebih awal ke pejabat supaya beliau punya lebih masa untuk berehat selepas menapak dari tingkat 11 dan tingkat 22. Langkah yang diambil watak Aina dapat dilihat pada petikan di bawah:

“Pada masa sama, aku mesti memastikan prestasi kerjaku tidak terjejas. Sehubungan dengan itu, aku nekad untuk datang awal ke pejabat supaya aku punya lebih masa untuk berehat sebelum memulakan tugas seharianku”.

(Norhashimah Hashim, 2002: 25)

Melalui petikan di atas, usaha yang telah diambil oleh Aina iaitu dengan mengambil langkah untuk datang awal ke tempat kerja telah membantu dalam proses mengatasi masalah dihadapinya iaitu melibatkan sumber pendapatannya. Kesan daripada tindakan tersebut Aina dapat melakukan pekerjaan seperti biasa tanpa menghadapi gangguan. Tindakan ini diceritakan membantu Aina menjalani latihan bagi persediaan bagi ekspedisi mendaki puncak Gunung Kinabalu. Selain daripada masalah tersebut, watak Aina juga mempunyai kehendak agar tidak diganggu semasa melakukan latihan iaitu menapak dari rumah sewanya ke tempat kerjanya. Apa yang menjadi masalah kepada Aina ialah apabila orang-orang di sekelilingnya terlalu mengambil berat terhadapnya sehingga menyukarkan beliau menjalani latihan. Ini dapat dilihat seperti petikan di bawah:

“Maka aku tidak jadi menangga hari itu. Ada juga buruknya kalau orang-orang di sekelilingku terlalu mengambil berat tentangku. Sememangnya, orang-orang yang tinggal seblock denganku prihatin. Mereka sering memimpinku ke lif, ke perhentian bas atau kedai”.

“Jadi,tidak hairanlah jika ada orang yang menarikku ke lif pada petang pertama itu”.

(Norhashimah Hashim, 2002: 22).

Tindakan yang dilakukan oleh Aina untuk menghadapi masalah tersebut ialah dengan terus menapak tangga tanpa berputus asa dan hanya tersenyum apabila ditanya oleh jiran-jirannya semasa menaiki tangga. Kesan daripada tindakan tersebut Aina berjaya menapak ke tingkat 11 dan juga berjaya menapak ke tingkat 22 di pejabatnya tanpa gangguan. Walaupun perkara tersebut dianggap sebagai masalah namun jika diteliti secara tersirat, novelis sebenarnya mahu menggambarkan kepada pembaca bahawa golongan cacat penglihatan sebenarnya tidak pernah disisihkan oleh masyarakat. Ini terbukti apabila watak Aina sentiasa dibantu oleh masyarakat sekelilingnya walaupun beliau tidak pernah meminta pertolongan. Ini secara ringkasnya, memenuhi keperluan keselamatan dari aspek jagaan masyarakat.

Peringkat seterusnya ialah peringkat kasih sayang dan keinginan untuk dimiliki.. Secara umumnya, kasih sayang selalunya merujuk kepada kasih sayang di antara ahli keluarga namun kasih sayang juga melibatkan kasih sayang dengan alam, binatang dan sebagainya. Pada peringkat ini, pengarang novel *Lambai Kinabalu* telah memperlihatkan kehendak ini melalui watak Aina yang ingin memiliki sahabat yang saling memahami antara satu sama lain dan sentiasa mengambil berat. Tindakan yang memaparkan aspek kasih sayang antara Aina dan sahabat-sahabatnya dapat dilihat apabila mereka saling bekerjasama dalam melakukan latihan persediaan untuk mendaki puncak Gunung Kinabalu. Selain memberikan kata semangat antara satu sama lain dalam meneruskan perjuangan mereka itu.

Ini dapat dilihat melalui watak Mas yang telah menunjukkan sikap ambil beratnya sebagai seorang sahabat dengan memberikan kata perangsang atau semangat kepada watak Aina dalam proses meneruskan usaha mereka untuk mendaki. Ini dapat dilihat dalam petikan:

“Tak ada apalah, Kak Aina. Saya yakin Kak Aina akan dapat sampai ke puncak.”. Begitu bersungguh- sungguh Masmemberi perangsang kepadaku. (Norhashimah Hashim, 2002:18).

Melalui petikan di atas, jelas memperlihatkan keprihatinan watak Mas itu merupakan salah satu cara bagi menggambarkan kasih sayang di antara seorang sahabat kepada sahabatnya. Walaupun peristiwa tersebut nampak seperti biasa namun jika diteliti ianya membawa maksud yang tersirat kepada para pembaca. Kesan daripada sikap saling bekerjasama dan saling memberikan kata semangat itu mereka semua telah berjaya menjekakkan kaki ke puncak Gunung Kinabalu dengan jayanya. Peringkat kasih sayang ini juga memperlihatkan kemahuan Aina

*Gambaran Kehendak Watak Orang Kurang Upaya (OKU) dalam  
Novel Lambaian Kinabalu  
Nor Afiza Mohd Nasir*

ialah untuk melihat diri beliau beserta sahabat-sahabatnya berjaya menjejakkan kaki ke puncak Gunung Kinabalu dengan selamat. Masalah yang dihadapi mereka ialah keadaan mereka yang serba kekurangan. Tindakan yang dilakukan oleh Aina ialah dengan bersikap tabah dalam menjalani setiap bentuk latihan yang dijalankan selain bersungguh-sungguh dalam menjalani latihan dengan sahabat-sahabatnya. Ini dapat dilihat dalam petikan di bawah:

Apabila tiba ketika untuk turun tangga dan mendaki bukit yang curam, aku seperti mahu rebah. Di sebalik semua kesukaran itu, aku telah menegaskan berkali-kali kepada diri sendiri yang aku mesti tabah menghadapi semua ini. Aku akan cuba melakukan apa yang diarahkan sebaik mungkin.

(Norhashimah Hashim, 2002: 26).

Petikan di atas menggambarkan watak Aina berusaha bersungguh-sungguh demi melihat beliau dan rakan-rakannya berjaya untuk menjejakkan kaki ke puncak gunung Kinabalu. Kesan daripada tindakan itu telah memperlihatkan mereka semua telah dapat menyelesaikan misi ekspedisi mendaki puncak Gunung Kinabalu dengan jayanya. Setelah berjaya memenuhi kehendak kasih sayang, watak Aina mempunyai kehendak yang lain iaitu pada peringkat penghargaan diri. Pada peringkat ini, watak Aina mempunyai dua kehendak iaitu mahu melihat golongan cacat penglihatan seperti beliau dan sahabat-sahabatnya berjaya dalam ekspedisi mendaki puncak gunung Kinabalu dan kehendak yang kedua ialah berjaya dalam bidang yang diceburinya. Dalam memenuhi kehendak pertama, watak Aina menyedari bahawa golongan cacat penglihatan seperti beliau mempunyai masalah dalam proses untuk mendaki puncak Gunung Kinabalu. Ini kerana keadaan mereka yang serba kekurangan. Namun Aina dan sahabat-sahabatnya telah mengambil langkah atau tindakan dengan menghadiri latihan persediaan untuk menghadapi cabaran. Kebanyakkan daripada mereka terpaksa berkorban masa, wang ringgit dan sebagainya dalam proses untuk menyertai latihan yang disediakan itu. Pengorbanan dan kesungguhan mereka menghadiri latihan dapat dilihat seperti petikan di bawah:

Aku dapat tahu Syamsiah terpaksa meminta rakan sepejabatnya menghantar ke tempat latihan pada setiap petang Isnin, Rabu dan kini ditambah pula dengan petang Jumaat. Dia tak kan dapat sampai tepat pada masanya jika dia pergi dengan bas. Oi yang pula merelakan dirinya melakukan kerja urut separuh masa untuk mencukupkan belanja latihan dan belanja ke Kota Kinabalu". Moi, Zila dan Ros pula terpaksa berhabis-habis membayar khidmat urut setiap kali selesai latihan. Jika tidak diurut, sendi dan anggota

mereka akan sakit-sakit dan sengal-sengal sehingga terasa tidak berdaya menjalani latihan berikutnya.

(Norhashimah Hashim, 2002: 34)

Berdasarkan petikan di atas, Norhashimah Hashim telah menjelaskan secara terperinci bagaimana watak Aina dan rakan-rakannya terpaksa mengorbankan masa, wang, dan tenaga dalam memastikan mereka mengikuti latihan untuk mendaki. Pengorbanan mereka ini merupakan langkah atau inisiatif daripada mereka sendiri bagi menjayakan misi tersebut. Kesan daripada tindakan itu, mereka telah berjaya menyelesaikan misi ekspedisi mendaki gunung Kinabalu dengan jayanya walaupun terpaksa menghadapi pelbagai cabaran dan dugaan. Secara umumnya, kejayaan mereka ini sebenarnya membuktikan bahawa golongan cacat penglihatan seperti mereka juga mampu berjaya jika diberikan peluang dan ruang yang sewajarnya. Dalam novel ini, penghargaan masyarakat kepada golongan buta penglihatan ini dapat dilihat setelah mereka berjaya menjejakkan kaki ke puncak gunung Kinabalu. Contohnya, dapat dilihat seperti petikan di bawah:

Ya ucapan tahniah dari taulan dan sanak saudara memang amat bererti. Sambutan yang telah diberikan oleh Jabatan Belia dan hadiah serta ucapan tahniah daripada Presiden SBM memang amat bermakna.

(Norhashimah Hashim, 2002: 134)

Petikan di atas memaparkan Aina dan rakan-rakan seperjuangan telah menerima penghargaan daripada masyarakat berdasarkan kepada kemampuan dan keupayaan mereka dalam menjejakkan kaki ke puncak gunung Kinabalu yang merupakan satu pencapaian yang luar biasa bagi golongan cacat penglihatan seperti mereka. Kesan tindakan tersebut juga memperlihatkan Aina telah berjaya dalam segala aspek yang diingininya iaitu pertama, pelancaran siri novel *Lambaian Hijrah* yang melibatkan dua buah novelnya. Kedua, kejayaan Aina menawan puncak Gunung Kinabalu dan ketiga beliau telah ditawarkan untuk mengikuti Kursus Perguruan Lepas Ijazah di Institut Bahasa. Tahap terakhir ialah tahap kesempurnaan kendiri di mana pada tahap penyempurnaan kendiri, watak Aina mempunyai keinginan atau kehendak untuk berjaya dalam setiap aktiviti atau pekerjaan yang dilakukannya. Walaupun perkara ini tidak dinyatakan dengan jelas dalam novel namun keinginan Aina untuk berjaya mendaki puncak Gunung Kinabalu menggambarkan kepada para pembaca bahawa watak Aina mahu berjaya dalam segala aspek yang diceburinya.

Dalam mencapai peringkat kesempurnaan kendiri ini masalah kecacatan penglihatan merupakan masalah utama yang harus dihadapi oleh watak Aina. Namun, bedasarkan pengamatan pengkaji, Norhashimah Hashim selaku pengarang telah berjaya menggarap watak Aina dengan sempurna iaitu menggambarkan

*Gambaran Kehendak Watak Orang Kurang Upaya (OKU) dalam  
Novel Lambaian Kinabalu  
Nor Afiza Mohd Nasir*

watak Aina sebagai seorang yang sentiasa sabar dan tabah dalam menghadapi segala masalah atau dugaan yang menimpa. Ini dapat dilihat dalam petikan:

..aku mesti tabah menghadapi semua ini.

(Norhashimah Hashim, 2002: 26)

Berdasarkan petikan itu, Norhashimah Hashim telah menggambarkan langkah bagi menjawab pertanyaan bagi merungkai segala permasalahan yang dialami Aina dalam usaha mendaki puncak Gunung Kinabalu. Sikap tabah yang diselitkan dalam diri watak Aina menjadi salah satu faktor bagi menyelesaikan masalah tersebut. Berdasarkan kepada penelitian, pengkaji merasakan watak Aina masih belum mencapai tahap penyempurnaan kendiri kerana untuk mencapai tahap ini, seseorang mestilah telah mencapai satu tahap tertinggi iaitu tiada lagi perkara yang ingin dilakukan atau ingin dicapai dalam kehidupan. Dalam bahasa mudahnya, seseorang itu telah mencapai kesempurnaan dalam dirinya dalam segala aspek kehidupan.

Berdasarkan kepada analisis di atas, aspek yang dianalisis oleh pengkaji merangkumi aspek masalah yang dihadapi oleh watak dalam memenuhi setiap kehendaknya. Kedua, tindakan yang dilakukan oleh watak dalam proses menghadapi masalah dihadapi. Ketiga, pengkaji menerangkan secara ringkas kesan tindakan yang dilakukan oleh watak dalam proses untuk memenuhi setiap kehendak mengikut peringkat kehendak watak iaitu daripada peringkat paling bawah iaitu peringkat fisiologi, keselamatan, kasih sayang, penghargaan diri dan peringkat yang paling atas iaitu peringkat untuk mencapai kesempurnaan kendiri. Walaubagaimanapun, jika diteliti secara mendalam watak Aina sebenarnya tidak mencapai peringkat yang kelima iaitu peringkat kesempurnaan kendiri. Ini kerana, pencapaian yang diperoleh Aina masih belum lengkap untuk memenuhi peringkat tersebut.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, novel *Lambaian Kinabalu* merupakan salah satu karya yang penting dalam memaparkan kehendak watak terutamanya dalam memaparkan kehendak watak Orang Kurang Upaya (OKU). Dalam menganalisis gambaran kehendak watak OKU ini, jelas memperlihatkan setiap watak yang dibincangkan mempunyai kehendak yang tersendiri dan ianya berlandaskan kepada teori Hierarki Kehendak seperti mana yang dikemukakan oleh Abraham Maslow (1970).

## BIBLIOGRAFI

- Ihzan Noorzali.“Ketajaman Hati Nurani Norhashimah”. *Dewan Sastera*. Jun 2003:2-7. *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 2013.
- Maslow, A. Motivation and personality (2nd ed.). New York: Harper and Row. 1970.[http://walker.org.uk/pubsebooks/pdfs/Motivation\\_and\\_Personality\\_Maslow.pdf](http://walker.org.uk/pubsebooks/pdfs/Motivation_and_Personality_Maslow.pdf)
- Hassan Baseri Budiman. “Melihat Kecelikan Norhashimah Hashim”.*Dewan Sastera*. Jun 2003: 13-20.
- Norhashimah Hashim. *Lambaian Kinabalu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. 2002.
- Siti Hajar Che Man. “Pengalaman Peribadi Norhashimah Hashim Dalam *Lambaian Kinabalu*”. *Dewan Sastera*. Jun 2003: 8-12.
- Shahabuddin Hashim, Mahani Razali & Ramlah Jantan. *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing SDN. Bhd. 2006.
- Zinaidah Ariffin. *Kerjaya Untuk Orang Kurang Upaya*. Selangor: PTS Media Group Sdn. Bhd. 2006.
- Diakses pada 25 Mac 2016 <http://www.utusan.com.my/hiburan/khalid-salleh-8232-ppentaskan-kena-main-1.59687#sthash.4WO5ncfs.dpuf>  
<http://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/Akta%20685%20%20Akta%20Orang%20Kurang%20Upaya%202008.pdf>
- Diakses pada 25 Mac 2016 <http://www.utusan.com.my/hiburan/khalid-salleh-8232-ppentaskan-kena-main-1.59687#sthash.4WO5ncfs.dpuf>